

13/08/2003

Pemimpin dunia patut jiwai nilai keamanan

Ezaruddin Abd Rahman

PERSIDANGAN Keamanan Dunia di Kuala Lumpur membuktikan kesungguhan negara mempromosi keamanan kepada penduduk dunia.

Ia berjaya mengumpulkan pelbagai tokoh yang membentangkan kertas kerja mengenai keamanan termasuk Timbalan Presiden Republik Afrika Selatan, Jacob G Juma dan Penasihat Khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Adolf Ogi.

Kedatangan mereka membuktikan pengiktirafan dunia terhadap usaha Malaysia untuk mempromosikan keamanan hingga ke akar umbi.

Kisah peperangan dan pengeboman Hiroshima adalah satu bayangan menggerunkan dengan lebih 140,000 orang terbunuh dan beribu-ribu cedera selepas pesawat perang Enola Gay B-29 menggugurkan sebutir bom atom.

Kejadian itu masih menjadi igauan kepada seluruh dunia kerana walaupun Hiroshima dan Nagasaki berubah wajah ibarat padang jarak padang terkukur, ia menerbitkan simpati penduduk seluruh dunia.

Kini, seluruh dunia sibuk memerangi kumpulan pengganas berikutan tragedi 11 September 2001 di New York dan Washington.

Serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq membenihkan perasaan marah penduduk dunia sehingga wujud kumpulan kecil yang berikrar membalas dendam terhadap kekejaman Amerika.

Kejadian pengeboman di Bali dan Jakarta membuktikan semua negara perlu berusaha gigih memerangi keganasan dan pengganas selain mencari punca ia berlaku.

Dalam hal ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa negara kuasa besar menyemai budaya menghargai keamanan secara serius dengan memperkenalkan perkara itu sejak peringkat sekolah lagi.

Ini bertujuan mencegah pemikiran generasi muda daripada terpesong dan mengagungkan kumpulan pengganas.

Dalam pada itu, kelahiran pemimpin yang rakus dan tamak haloba menyebabkan dunia diancam peperangan.

Pemimpin dunia perlu menjiwai nilai keamanan dan mengetepikan api kemarahan agar keamanan dapat dinikmati.

Punca keganasan tidak syak lagi disebabkan ada kuasa dunia yang tidak mempedulikan rintihan dan bantahan kebanyakan negara agar Iraq khususnya tidak diserang.

Malaysia sebenarnya boleh menjadi pusat rujukan dan bertukar-tukar pendapat mengenai keamanan.

Seluruh rakyat Malaysia harus berbangga dengan usaha kerajaan Malaysia untuk membasmi keganasan.

Sebenarnya pihak yang melaungkan seruan jihad seperti di Indonesia hanya pencetus kekacauan yang merugikan rakyat.

Serangan yang kononnya menjadikan seseorang disanjung sebagai syahid bertujuan membohongi dunia bahawa tindakan itu perlu bagi menghapuskan musuh Islam.

Sebaliknya ia adalah tindakan yang terpesong daripada ajaran Islam dan mereka jelas menyalahgunakan agama untuk menjayakan hasrat militan.

Peranan Malaysia sebagai pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selepas ini adalah pengiktirafan terhadap usaha kita yang sentiasa mengamalkan pendekatan toleransi dan berhemah.

Kita tidak memerlukan kumpulan radikal dan bertindak di luar batasan kerana kumpulan militan sentiasa mempunyai sikap ingin membalas dendam,

benci membenci dan tiada hala tuju dalam perjuangan.

Persidangan Keamanan Dunia Kuala Lumpur membuktikan Malaysia tidak retorik memperjuang keamanan.

Walaupun usaha kerajaan dipandang sinis oleh pemimpin pembangkang, kita sentiasa mengutuk keganasan dan mahu ia dibanteras.

EZARUDDIN ABD RAHMAN,
Timbalan Presiden Persatuan Pemuda Negara Malaysia
Serdang Jaya, Selangor.